

Anugerah Staf Cemerlang Khamis ini

Uraian 23/05/2012 26
KOTA KINABALU 22 Mei - Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf Universiti Malaysia Sabah (Maksums) di Dewan Kuliah Pusat Akademik, UMS pada Khamis ini.

Pegawai Perhubungan Awam Bahagian Perhubungan Korporat UMS, Salbinous Saribun berkata, majlis itu merupakan hasil gabungan dua majlis utama universiti iaitu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Majlis Anugerah Inovasi (MAI) yang sebelum ini diadakan secara berasingan.

“Majlis ini disatukan atas faktor penjimatan, di samping menerapkan nilai pengurusan baik dan memupuk pemikiran serta usaha yang kreatif serta kritis dengan menggunakan sumber serta kemudahan sedia ada dalam pelaksanaan majlis tersebut,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.